



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH BILANGAN 4 TAHUN 2020

LANTIKAN MEMANDU KENDERAAN UTILITI JABATAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN BOMBA

1. TUJUAN

- 1.1. Menetapkan garis panduan bagi lantikan dan pembatalan lantikan memandu kenderaan utiliti Jabatan bagi Pegawai - pegawai Kanan Bomba (Gred KB 29 hingga KB 54).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Jabatan telah mengeluarkan surat Kebenaran Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan Bagi Pegawai-pegawai Kanan Bomba no. rujukan JBPM: OPS/013/2/3/2 (44) bertarikh 26 Januari 2011 bagi mengatasi permasalahan ketiadaan/ kekurangan pegawai-

pegawai sokongan untuk menjalankan tugas pemanduan kenderaan utiliti bagi melaksanakan tugas rasmi Jabatan.

- 2.2. Walaubagaimanapun, Jabatan mendapati terdapat segelintir pegawai yang didapati memandu kenderaan utiliti Jabatan tanpa lesen memandu atau lesen memandu yang dimiliki telah tamat tempoh.
- 2.3. Sehubungan dengan itu, Surat Arahan Ketua Pengarah ini dikeluarkan adalah sebagai langkah pencegahan kejadian yang sama dari berulang dan penambakan kepada arahan sediaada.

3. PUNCA KUASA

- 3.1. Akta Pengangkutan Jalan 1988 [Akta 333];
- 3.2. Surat Kebenaran Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan Bagi Pegawai-pegawai Kanan Bomba no. rujukan JBPM: OPS/013/2/3/2 (44) bertarikh 26 Januari 2011;
- 3.3. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2020 - Peraturan dan Syarat-Syarat Penggunaan Kenderaan Jabatan

4. TAFSIRAN

- 4.1. Bagi maksud Surat Arahan Ketua Pengarah ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain –

‘Jabatan’ bermaksud Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;

‘Kenderaan Utiliti’ bermaksud kenderaan Jabatan di darat bagi tujuan pengangkutan kakitangan Jabatan dan atau tanpa barangan lain untuk tugas rasmi, selain daripada jentera bomba dan jentera bomba khas yang tidak mempunyai peralatan operasi pemadaman dan/atau penyelamatan seperti van, pacuan empat roda, lori, *multipurpose vehicle* (MPV), bas panjang, dan bas mini (coaster);

‘Ketua Jabatan’ bermaksud Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Komandan, atau Pegawai Memerintah

‘Pegawai’ bermaksud pegawai-pegawai kanan Bomba (Gred KB 29 hingga KB 54);

‘Urusetia’ bermaksud mana-mana pegawai yang dilantik di peringkat Bahagian, Negeri, Akademi atau Pangkalan Udara yang menguruskan lantikan dan pembatalan memandu kenderaan Jabatan.

5. PELAKSANAAN

5.1. Syarat lantikan pemandu

- 5.1.1. Pegawai memiliki lesen memandu kenderaan yang sah mengikut kelas yang dibenarkan; dan
- 5.1.2. Mempunyai tahap kesihatan fizikal, pancaindera dan lain-lain yang mengizinkan pegawai untuk memandu kenderaan Jabatan dengan baik.

- 5.1.3. Bagi pegawai Gred KB 29 hingga KB 38 yang telah dilantik sebagai pemandu bagi tujuan Elaun Tugas Memandu Kenderaan seperti di Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2019 – Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah tidak perlu memohon semula.

5.2. **Kaedah lantikan memandu kenderaan utiliti jabatan**

- 5.2.1. Pegawai membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Jabatan; atau
- 5.2.2. Ketua Jabatan boleh melantik pegawai tersebut secara terus;
- 5.2.3. Mengisi Borang Permohonan Bagi Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan seperti **Lampiran A**.

5.3. **Tindakan urusetia**

- 5.3.1. Urusetia menerima dan menyemak permohonan pegawai;
- 5.3.2. Permohonan yang memenuhi syarat dimajukan kepada Ketua Jabatan

5.4. **Kelulusan lantikan memandu kenderaan utiliti jabatan**

- 5.4.1. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kelulusan permohonan dengan memastikan syarat seperti di para 5.1 dipatuhi;

5.4.2. Urusetia hendaklah mengeluarkan Surat Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan seperti di **Lampiran B** atau surat pemakluman tidak diluluskan yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan;

5.4.3. Urusetia hendaklah merekodkan pegawai yang mempunyai lesen memandu mengikut kelas dan mengenalpasti pegawai yang tidak mempunyai lesen memandu;

5.4.4. Bagi pegawai yang tidak diluluskan lantikan memandu, permohonan semula boleh dibuat apabila syarat pada 5.1 dan syarat tambahan lain oleh Ketua Jabatan (jika) ada telah dipatuhi.

5.5. **Pembatalan lantikan memandu kenderaan utiliti Jabatan**

5.5.1. Lantikan memandu kenderaan utiliti Jabatan adalah dianggap terbatal sekiranya:-

- i. Lesen memandu pegawai telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui;
- ii. Lesen memandu pegawai digantung oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalanraya;
- iii. Tahap kesihatan fizikal, pancaindera dan lain-lain yang tidak mengizinkan pegawai untuk memandu kenderaan

Jabatan dengan baik dan dibuktikan dengan Laporan Pemeriksaan Kesihatan;

- iv. Pegawai telah bersara atau tamat perkhidmatan;
- v. Lain-lain sebab yang difikirkan perlu oleh Ketua Jabatan.

5.5.2. Urusetia boleh mengesyorkan pembatalan lantikan memandu pegawai kepada Ketua Jabatan dan mengeluarkan Surat Pembatalan Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan seperti di **Lampiran C** yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

5.5.3. Bagi pegawai yang telah bertukar perlu memohon semula lantikan memandu kenderaan utiliti di tempat bertugas yang baru.

5.6. **Kewajipan melapor jika lesen memandu digantung atau ditamatkan**

5.6.1. Pegawai yang telah digantung lesen memandu atas apa jua sebab samada oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalanraya atau mahkamah, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Ketua Jabatan dan adalah tidak layak lagi memandu;

5.6.2. Pegawai yang tidak memiliki lesen memandu atau lesen memandu tamat tempoh adalah dilarang sama sekali memandu walaupun bagi jarak yang dekat, atas sebab kecemasan dan dalam apa jua situasi;

5.7. Kesalahan dan tindakan tatatertib

- 5.7.1. Tindakan tatatertib boleh diambil kepada mana-mana pegawai yang didapati ingkar dan melanggar arahan yang terkandung dalam Surat Arahan Ketua Pengarah ini.


6. TARIKH BERKUATKUASA

- 6.1. Surat Arahan Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2020 - Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Bomba ini berkuatkuasa daripada tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

- 7.1. Surat Arahan Ketua Pengarah ini hendaklah dipatuhi oleh semua Bahagian, Unit, Akademi dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 6 November 2020

**BORANG PERMOHONAN BAGI LANTIKAN MEMANDU KENDERAAN UTILITI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
(Pegawai Bomba Gred KB29- KB54)

Kepada Ketua Jabatan :
Melalui Urusetia :
1. Nama Pemohon :
2. Tempat bertugas :
3. Jantina :
4. No. Kad Pengenalan :
5. Tarikh lantikan :
6. Tarikh disahkan jawatan :
7. No. Tel. Pej. : 8. No. Tel. Bimbit :
9. Kelas Lesen : 10. Tempoh sah : Dari
Memandu hingga

11. **Maklumat Perakuan Diri Pemohon:**

Adalah dengan ini saya mengakui bahawa saya mempunyai tahap fizikal, pengelihatan dan kebolehan memandu yang baik untuk dipertimbangkan bagi lantikan memandu kenderaan utiliti Jabatan. Saya mengakui maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

12. **Kelulusan Ketua Jabatan:**

Permohonan lantikan memandu diluluskan/ tidak diluluskan dengan syarat tambahan (jika ada):

.....
.....

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Peringatan: Borang ini hendaklah disertakan dengan salinan lesen memandu yang telah disahkan.

KEPALA SURAT JABATAN

No. rujukan fail

Kepada Pemandu

YS Dato'/ Tuan,

PELANTIKAN MEMANDU KENDERAAN UTILITI JABATAN

Adalah saya merujuk kepada kepada perkara di atas berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, setelah mempertimbangkan permohonan YS Dato'/ Tuan, dengan ini tuan (pangkat & nama) no. K/P yang semasa dilantik bertugas di adalah dilantik sebagai pemandu kenderaan utiliti Jabatan adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini ditandatangani.
3. Dengan pelantikan ini, YS Dato'/ Tuan dikehendaki memandu secara berhemah dan mematuhi setiap peraturan jalanraya dan memastikan lesen memandu tidak tamat tempoh atau digantung setiap kali memandu.
4. Sekiranya lesen memandu YS Dato'/ Tuan digantung atau ditamatkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, YS Dato'/ Tuan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ketua Jabatan.
5. Permohonan semula kepada Ketua Jabatan perlu dibuat jika YS Dato'/ Tuan bertukar Bahagian atau Negeri.
6. Sehubungan dengan itu YS Dato'/ Tuan adalah dikehendaki mematuhi ketetapan seperti di Surat Arahan Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2020 - Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Bomba serta lain-lain arahan berkaitan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Nama Ketua Jabatan)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.....

KEPALA SURAT JABATAN

No. rujukan fail

Kepada Pemandu

YS Dato'/ Tuan,

PEMBATALAN LANTIKAN MEMANDU KENDERAAN UTILITI JABATAN

Adalah saya merujuk kepada kepada perkara di atas berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan, setelah membuat penilaian dan pertimbangan berdasarkan (sebab seperti seperti di para 5.51 SAKP Bil. 4/2002)

.....
.....dengan ini, Jabatan membatalkan
Pelantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan yang pernah diberikan
sebelum ini kepada YS Dato'/ Tuan (pangkat & nama)

.....
no. K/P yang kini bertugas di
.....
/ tidak lagi berkhidmat di Jabatan ini*.

4. Sehubungan dengan itu, tuan adalah tidak lagi dibenarkan memandu
kenderaan utiliti Jabatan berkuatkuasa dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Nama Ketua Jabatan)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.....

**Potong yang tidak berkaitan.*